

PATRIOT

ISSN 1511-1639 BERKAS 20113

PERALIHAN TAMPUK KEPIMPINAN

YB Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

"Dalam konteks ini, sesuatu dapat dipersembahkan serta penderiaan perlulah realistik serta difahami sedalam-dalamnya agar ia tidak menimbulkan sebarang kekeliruan di kalangan orang awam serta kakitangan kita sendiri sebelum karya dilaksanakan. Pelaksanaan bagi perkara tersebut juga hendaklah dikaji dan diteliti sedalam-dalamnya supaya kita dapat melihat sendiri prestasi bagi itu tersebut dari semasa-ke semasa sama ada diterima dan difahami oleh masyarakat atau mendapat tentangan pihak-pihak tertentu. Pegawai awam hendaklah bijak untuk merenja, menghural dan menerangkan sesuatu isu Kementerian dengan jelas dan terperinci agar perkhidmatan yang diadukan dapat diterima baik oleh masyarakat. Jika arahan ini ditubuhkan secara berkesan, saya percaya sesuatu itu yang berlaku dalam sebuah Kementerian dapat ditangani dan diatasi dalam masa yang singkat".

Sempena Perhimpunan Bulanan
Kementerian Pertahanan 3 Julai 2013
bertempat di Auditorium, Kementerian Pertahanan



Pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain di dalam suatu pertubuhan. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang di dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang di rancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkat tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut. Oleh itu, usaha ke arah penyatuan aktiviti sesebuah organisasi bergantung besar kepada kepintaran seseorang pemimpin. Sebagai contoh, seseorang yang membawa beg plastik semasa berkunjung ke pasar terpaksa membimbit dengan bijak agar tidak ada satu barang pun yang dibeli tercalar, beg plastik seperti suatu organisasi ataupun pekerja-pekerja di bawah pengawasan seorang pemimpin.

Kemahiran memimpin merupakan sesuatu yang boleh di pertingkatkan dari semasa ke semasa. Kemahiran bekerjasama amat di tekankan di dalam sesebuah organisasi bagi mencapai kecemerlangan. Sebagai seorang pemimpin, mungkin mereka mampu memberi arahan kepada orang lain tetapi adakah pengarahannya ini di patuhi oleh orang yang menerima arahan. Di dalam masyarakat negara ini terutama masyarakat Melayu, konsep malu alah boleh digunakan untuk mendapatkan kerjasama daripada pekerjanya. Apabila di berikan perhatian yang sewajarnya kepada mereka, mereka akan berasa silu untuk tidak patuh kepada arahan begitu juga dengan pemimpin, mereka akan berasa berat untuk tidak memberi kerjasama apabila telah di perlakukan baik kepadanya. Oleh yang demikian, seseorang pemimpin perlulah mewujudkan sikap bekerjasama dengan pekerja di dalam suatu organisasi bagi mencapai kecemerlangan.

KANDUNGAN

4 PERALIHAN TAMPUK
KEPIMPINAN



7 LATAR BELAKANG
YB DATO' SERI HISHAMUDDIN
TUN HUSSEIN

8 HARI TERBUKA
ATM 2013
DISAMBUT MERIAH

10 DEFENCE FORCES DENTISTRY FORUM
2013 (DFDF 2013) BERSEMPENA
DENGAN ASIA PACIFIC DENTAL
CONGRESS 2013 (APDC 2013)

12 PENGIKTIRAFAN 5S

13 MALAM ANUGERAH SUKAN
ATM 2012

14 PEKERJA PEMANGKIN
TRANSFORMASI
NEGARA

15 **TIMBALAN MENTERI**
KE JHEV

16 **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid**
Hamidi

17 **Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad**

18 MAJLIS MENGARAK
PANJI-PANJI
DYMM DIPERTUAN
AGONG

19 **DSA 2014 KEMBALI**
LAGI



20 **Terima Kasih, Sekalung Budi**

21 **ESSCOM**
PIKUL TANGGUNGJAWAB BESAR

22 **MAJLIS SYARAHAN**
ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA 2013

23 **MENHAN** DIANUGERAHKAN
BERET MERUN DAN SAYAP
PENERJUNAN KEHORMAT

24 **PLKN**
SIRI 11/2014 TELAH DIPILIH

25 PERASMIAN MASJID
KHALID BIN AL WALID
DAN MAJLIS BERBUKA
PUASA BERSAMA SERI
PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG

26 LAWATAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE
OPERASI SANGGAH

28 **JHEV** BANTU BEKAS ANGGOTA
GERILA HARIMAU MALAYA.

29 **MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH**
PROGRAM MEMBAIKPULIH RUMAH
VETERAN 1MALAYSIA – NBOS 7



30 **MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE**
PANGKALAN TLDM

31 **LAWATAN KERJA MENHAN KE PU**
SUBANG DAN SUNGAI BESI

Dari Meja **Ketua Editor....**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia untuk anda semua...

Pilihanraya Umum ke 13 telah selesai pada 5 Mei 2013 dan Barisan Nasional telah diumumkan berjaya menubuhkan kerajaan persekutuan selepas mencapai majoriti mudah iaitu 112 kerusi parlimen semasa keputusan penuh pada awal pagi 6 Mei 2013.

Dengan selesainya pilihan raya umum 2013 dan rombakan kabinet, YB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi telah ditukarkan ke Kementerian Dalam Negeri setelah berkhidmat selama empat tahun di Kementerian Pertahanan. Beliau telah digantikan dengan YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein yang sebelum ini di Kementerian Dalam Negeri. Mereka adalah dua menteri yang bertukar portfolio penting untuk menjaga keselamatan awam dan negara.

Kini, jawatan Menteri Dalam Negeri telah diamanahkan kepada YB Dato' Seri Ahmad Zahid, manakala YB Dato' Seri Hishammuddin sebagai Menteri Pertahanan yang baru. Dikesempatan ini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Ahmad Zahid di atas kecemerlangan beliau mengemudi Kementerian Pertahanan dengan jayanya sepanjang beliau menggalas jawatan ini selama empat tahun. Terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan.

Selaku mantan Menteri Dalam Negeri, pengalaman menangani pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan perhimpunan BERSIH, akan memudahkan Dato' Seri Hishammuddin dalam menggalas tugas baru sebagai Menteri Pertahanan. Kami warga MinDef, amat yakin dengan kepemimpinan YB Dato' Seri Hishammuddin dan percaya segala tugas yang digalas dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Dengan ini kami sidang redaksi Majalah Patriot mengucapkan tahniah dan mengalukan-alukan kedatangan YB Dato' Seri Hishammuddin ke MinDef dan semoga sentiasa komited untuk melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin. Kami di MinDef positif bahawa MinDef di bawah kepemimpinan Dato' Seri Hishammuddin akan terus cemerlang.

Sekian, Wassalam. Salam penuh kemesraan.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Y.Bhg Dato' Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia

PENASIHAT 1

YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

PENASIHAT 2

Johari bin Mohd
Ketua Komunikasi Korporat

KETUA EDITOR

Masnoor bin Ashaari

EDITOR

Nazrie bin Saini

WARTAWAN

Fazliatul binti Mohamed Isa
Kpl Nor Aini bte Abdul Rahman
Pbt Yussuhaimi bin Yusuf

PENULIS TAMU

Mej Zahrullail bin Hidayat (J7-Markas ATM)
YM Tengku Badli bin Tengku Zalli (JHEV)
Erwinasary bte Mohd Nasry (Pelatih KPTM)
Yasmin Ayuni bte Zulkifli (Pelatih UiTM)
Zaidatul Athilla binti Zainal (Pelatih UiTM)

FOTO

Sel Liputan &
Sel Rujukan dan Penerbitan, UKK

TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia

Sidang Redaksi Buletin PATRIOT mengalukan sumbangan artikel mengenai aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi dibawahnya. Artikel hendaklah dihantar kepada:

Editor
Buletin PATRIOT
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
Tel: 03-2071 4008
Emel : nazrie@mod.gov.my

PERALIHAN TAMPUK KEPEMIMPINAN



Artikel :Zaidatul Athilla bte Zainal (Pelatih UiTM)
Foto: Sel Rujukan dan Penerbitan



Datuk Dr Abdul Latif memeriksa perbarisan

Yang Patah Tumbuh, Yang Hilang Berganti. Begitulah ungkapan yang sering diungkapkan dan diperdengarkan kepada umum. Juga merupakan ungkapan paling sesuai bagi memberi gambaran kepada perubahan tampuk kepimpinan negara selepas melalui fasa Pilihanraya Umum ke-13 yang lepas. Seperti kebiasaannya, Kementerian yang dahulunya dipegang oleh tokoh-tokoh terunggul negara saling bertukar ganti. Tidak ketinggalan Kementerian Pertahanan (MinDef) sendiri yang melalui fasa transformasi kepimpinan. Kepimpinan yang dahulunya diterajui oleh Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama timbalannya Datuk Dr Abdul Latif Ahmad kini beralih tangan di bawah payung kepimpinan Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan timbalannya Datuk Abdul Rahim Bakri.

Perubahan tampuk pimpinan ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 20 Mei 2013 yang lalu di Putrajaya. Bagi mengiringi perpindahan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Dr Abdul Latif, satu majlis telah dianjurkan iaitu Majlis Perpisahan Mantan Menteri Pertahanan pada 21 Mei yang lalu. Melalui majlis itu, dapat dilihat betapa kedua-dua pemimpin tersebut disayangi dan dikagumi oleh warga Kementerian sendiri. Telah banyak sumbangan yang diberikan oleh beliau terhadap Kementerian Pertahanan bagi menaikkan serta mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara. Sama seperti pemimpin-pemimpin terdahulu, beliau mempunyai misi dan matlamat tersendiri dalam membangunkan prasarana penting negara.

Menurut beliau, semua matlamat dan kepimpinan beliau sepanjang berada di Kementerian ini merupakan kesinambungan matlamat pemimpin nombor satu negara iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak yang diinspirasi ketika pemimpin tersebut menerajui Kementerian ini 14 tahun yang lepas.



Walaupun Kementerian Pertahanan kini tidak lagi di bawah kepimpinan beliau, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid telah memberikan sepenuh kepercayaannya kepada Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk meneruskan legasi kepimpinan ini bermula bulan Mei yang lepas. Dengan latar belakang yang kukuh dari segi politik dan kepimpinan juga akademik, Dato' Seri Hishammuddin tidak perlu diragui kebolehannya. Beliau merupakan pemimpin yang dikagumi dan menjadi salah seorang pemimpin pilihan rakyat berdasarkan pencapaian baiknya sebagai Menteri Dalam Negeri sebelum ini. Kebolehan yang dibuktikan cukup untuk menjadikannya sebagai pemimpin berjaya.



Sekitar majlis send off Mantan Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan

“Ribuan terima kasih warga MinDef ucapkan kepada Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Dr Abdul Latif atas segala jasa dan sumbangan terhadap organisasi ini”



Gambar kenang-kenangan bersama Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

Melalui keperihatannya terhadap sistem keselamatan negara dapat kita lihat bahawa beliau menunjukkan rasa tanggungjawab terhadap amanah yang sedia terpikul. Buktinya, beliau sendiri sanggup turun ke Lahad Datu selama seminggu bagi memastikan keselamatan dan keadaan adalah berada di tahap yang paling maksima. Walau perit jerih beliau lalui atas keadaan ketika isu pencerobohan di Lahad Datu berlaku, hal tersebut tidak sedikitpun melemahkan semangat beliau untuk terus menjalankan tanggungjawab dan berbakti kepada negara walaupun keadaan pada ketika itu tidak menjamin sepenuhnya keselamatan buat beliau.

Dengan kepimpinan yang diketuai beliau yang turut dibantu oleh Timbalan Menteri Pertahanan baru iaitu Datuk Abdul Rahim Bakri, diharapkan mampu menyambung usaha sekaligus menyumbang kepada sistem yang lebih utuh di masa akan datang. Langkah yang lebih tegas perlu dalam menyempurnakan matlamat ini adalah dengan mengadakan kerjasama erat dengan negara luar dan memperketatkan lagi sistem keselamatan negara. Selain itu, usaha boleh dilaksanakan dengan memperkukuhkan latihan pasukan ketenteraan serta pasukan sokongan seperti askar wataniah. Malah usaha penting juga perlu dalam menambah baik sistem pengurusan maklumat Kementerian Pertahanan agar komunikasi dapat bergerak dengan lebih cepat dan berkesan.

Ribuan terima kasih warga MinDef ucapkan kepada Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Dr Abdul Latif atas segala jasa dan sumbangan terhadap organisasi ini. Manakala ucapan selamat datang kepada Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Datuk Abdul Rahim Bakri dengan harapan semoga di bawah kepimpinan beliau, Kementerian Pertahanan mampu menjadi kementerian yang terbaik dan lebih maju di masa hadapan.




Jasa dan sumbangan akan sentiasa kami hargai

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN



Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein lahir pada 5 Ogos 1961 ialah seorang ahli politik dan ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Beliau telah berkhidmat dalam kerajaan Malaysia sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sejak 2009, sebelum ini beliau adalah Menteri Pelajaran dari tahun 2004-2009. Beliau adalah anak kepada Perdana Menteri Malaysia ketiga. Beliau mendapat pendidikan awal di Sek. Ren. St. John's Kuala Lumpur dan Kolej Melayu Kuala Kangsar sebelum ayahnya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1973. Setelah peralihan jawatan dilakukan ke atas ayahnya, beliau menuntut ke Sekolah Alice Smith, Kuala Lumpur sebelum ditukarkan ke sebuah sekolah swasta. Kemudian, beliau melanjutkan pengajian tinggi ke Universiti Wales, Aberystwyth, United Kingdom dan dianugerahkan Ijazah Undang-Undang (LL.B Hons) pada tahun 1984. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan memperolehi LL.M (London) dalam bidang Undang-Undang Komersil dan Korporat pada 1988 di Sekolah Ekonomi London, United Kingdom.



Demonstrasi Wira Merah

HARI TERBUKA ATM 2013 DISAMBUT MERIAH

Artikel: Mej Zahrullail Hidayat (J7-Markas ATM)
Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

YAB Dato Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak melancarkan program pada pagi tersebut

Hari Terbuka ATM atau Program Military Community Volunteering Days merupakan satu inisiatif dibawah National Blue Ocean Strategy 8. Melalui program ini Hari Terbuka ATM di adakan di kem tentera di seluruh negara dengan mengadakan aktiviti yang berimpak tinggi serta perhatian kepada isu-isu dan aktiviti sukarelawan yang akan dilakukan bersama komuniti setempat.

Hari Terbuka ini diadakan selama 2 hari 6 hingga 7 April 2013 dengan tema Tentera dan Rakyat Sentiasa Bersama. Program ini melibatkan penyertaan sebanyak 32 buah kem di seluruh negara dengan sasaran penyertaan orang ramai dianggarkan seramai 1,520,000 orang. Pelancaran program disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di Pangkalan Udara Kuantan, Pahang Darul Makmur pada 6 April 2013 yang dilakukan secara serentak disemua kem-kem yang terlibat dan disiarkan secara langsung melalui media elektronik. Turut hadir YAB Dato' Sri Adnan bin Yaacob, Menteri Besar Pahang, YB Dato' Sri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Dr Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Jen Tan Sri Dato Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima

Angkatan Tentera, Dato' Sri Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Sr Rodzali bin Daud TUDM, Panglima Tentera Udara, Ahli-Ahli Yang Berhormat Pegawai-Pegawai kanan Awam dan ATM

Orang ramai yang mengunjungi program tersebut telah dihiburkan dengan pertunjukkan dan pameran selain dari perkhidmatan dari agensi-agensi kerajaan atau swasta. Program disediakan untuk memberi kepuasan kepada para pengunjung dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu:

- Pameran Statik** – Melibatkan pameran persenjataan, peralatan, aset Artileri, alat Komunikasi, kenderaan Jenis A dan lain-lain lagi.
- Pameran Interaktif** - Melibatkan pengendalian senjata, pengendalian alat komunikasi, ikhtiar hidup, Meals on Wheels dan lain-lain.
- Demonstrasi** – Demonstrasi melibatkan Persembahan Wira Merah dari KPTD, Pertunjukkan Udara, Persembahan Akrobatik TUDM, Platun Tambor dan Serunai, Tembak dan Gerak dan Persembahan BKTD.
- Perkhidmatan** - Perkhidmatan seperti Pergigian dan Perubatan dan Derma Darah.



Antara VVIP yang hadir pada program tersebut

Promosi kerjaya diadakan selari dengan tujuan menarik minat lebih ramai bela menyertai ATM selain itu penglibatan menyeluruh agensi kerajaan seperti PDRM, APMM, JPJ, LHDN, Jabatan Penjara, Jabatan kesihatan dan lain-lain lagi yang menggunakan konsep Blue Ocean Strategy diaplikasikan dalam usaha untuk merealisasikan program ini.

"Tentera dan Rakyat Sentiasa Bersama" dipilih sebagai Tema untuk Hari Terbuka ATM melambangkan kerjasama rapat diantara rakyat setempat dengan tentera demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara secara langsung menjamin kesejahteraan rakyat dan ianya bertepatan dengan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang juga merupakan satu entiti dalam Dasar Keselamatan Negara.



Sebahagian dari aktiviti yang dipertunjukkan pada pagi tersebut



DEFENCE FORCES DENTISTRY FORUM 2013 (DFDF 2013)

BERSEMPENA DENGAN ASIA PACIFIC DENTAL CONGRESS 2013 (APDC 2013)

Artikel & Foto: Mej Zahrullail bin Hidayat (J7-Markas ATM)



Perkhidmatan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia (PPATM) adalah satu komponen utama Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia. Oleh itu, PPATM bertanggungjawab dalam mencapai dan memelihara status kesihatan oral yang baik bagi anggota tentera dan keluarga mereka melalui perkhidmatan pergigian yang dinamik, efektif dan berkualiti.

Kumpulan sasaran PPATM, iaitu anggota tentera dan keluarga, mendapat perkhidmatan pergigian di Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) yang terdapat di hampir semua kem tentera di Malaysia. Di samping mengalami perkembangan dari segi infrastruktur fizikal dan peralatan, PPATM juga fokus dalam menghasilkan warga kerja yang kompeten, efektif dan efisien. Warga PPATM terdiri daripada pakar pergigian, pegawai pergigian dan auksiliari pergigian (iaitu pembantu pergigian, juruteknik pergigian, jururawat pergigian dan higinis pergigian); yang telah dilatih untuk mempunyai siapsiaga tempur yang tinggi.

DEFENCE FORCES DENTISTRY FORUM 2013

Asia Pacific Dental Congress (APDC) adalah sebuah kongres pergigian tahunan yang dianjurkan secara bersama World Dental Federation (FDI) dan Asia Pacific Dental Federation / Asia Pacific Regional Organization (APDF / APRO). Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan APDC 2013 bermula pada 7 Mei sehingga 12 Mei 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC).

PPATM telah dijemput oleh Persatuan Pergigian Malaysia untuk menganjurkan Defence Forces Dentistry Forum 2013 (DFDF 2013) yang mana membincangkan isu-isu berkaitan dengan pergigian ketenteraan. DFDF 2013 berlangsung dari 7 Mei hingga 10 Mei 2013 di Prince Hotel and Residence Kuala Lumpur. Tema tahun ini adalah "Transformation of Defence Force Dental Services: Future Trends and Challenges".



Antara VVIP yang hadir



Selain menyediakan perkhidmatan pergigian kepada anggota tentera, PPATM juga terlibat di dalam banyak misi ketenteraan antarabangsa sejak tahun 80an sehingga kini. Sebagai contoh, misi yang terbaru adalah penglibatan Kontijen Malaysia di Lubnan dan Afghanistan. PPATM juga sangat aktif dalam penyertaan aktiviti khidmat masyarakat seperti Klinik Bergerak 1Malaysia dan Projek Jiwa Murni. PPATM telah melalui berbagai proses transformasi bermula daripada penubuhannya pada tahun 1958.

Setelah 55 tahun kewujudannya, PPATM telah menjadi salah satu perkhidmatan pergigian yang utama di Malaysia dan bertekad untuk menyediakan perkhidmatan pergigian ketenteraan yang bertaraf dunia.

DFDF 2013 merupakan satu platform untuk membolehkan perbincangan dan perkongsian strategi dalam usaha meningkatkan perkhidmatan pergigian kepada pelanggan perkhidmatan ketenteraan.

Di samping itu, ia juga membuka peluang kepada delegasi untuk mengukuhkan kerjasama strategik di kalangan negara-negara Asia Pasifik. Seramai 51 delegasi antarabangsa dari 18 negara telah menyertai DFDF 2013. Mereka adalah dari negara Amerika Syarikat, Algeria, Australia, Bangladesh, Belanda, Brunei Darussalam, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Jerman, Kemboja, New Zealand, Pakistan, Singapura, Sri Lanka, Sweden dan Thailand. Selain itu, seramai 120 orang delegasi tempatan terdiri daripada warga PPATM, bekas warga PPATM, Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Dekan-dekan Institusi Pengajian Tinggi juga turut serta.



Ybhg Panglima Angkatan Tentera beramah mesra dengan sebahagian delegasi yang menyertai DFDF 2013



Pengiktirafan



5S

“Diharap dengan adanya anugerah sebegini bukan sahaja mengiktiraf individu dan Bahagian yang cemerlang tapi juga membantu dalam menaikkan semangat kekitaan yang dilihat berjaya dijadikan contoh kepada organisasi kerajaan mahupun swasta yang lain”

Artikel: Nazrie bin Saini
Foto: Unit Inovasi, DBPS

Atas dorongan dan semangat kerjasama yang dipupuk melalui Amalan Persekitaran Berkualiti 5S, satu majlis penyampaian Anugerah Khas 5S telah diadakan. Majlis ringkas tersebut telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bertempat di bilik Mesyuarat Bunga Raya. Majlis pengiktirafan tersebut bertujuan bagi menghargai individu atau bahagian yang telah berusaha dengan cemerlang dalam memartabatkan dan memupuk sepenuhnya program 5S yang telah mula dilaksanakan dengan rancak pada tahun 2009. Pengauditan bagi siri 1/2013 telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Audit bermula 8 hingga 10 Mei 2013 yang lepas. Bahagian Akaun telah memperolehi 98.79% dan sekaligus membolot tempat pertama seterusnya disaing hebat oleh Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am sebanyak 98.61% dan tempat ketiga dari Bahagian Pembangunan dengan purata markah 96.31%. Pengauditan kali ini menampilkan 12 bahagian yang berjaya menerima sijil khas diatas pencapaian 95% keatas.

Selain itu, pengauditan kali ini menganugerahkan 3 orang ahli zon terbaik atas jasa dan sumbangan khas mereka didalam menaikkan markah zon masing-masing selain dilihat berjaya menunjukkan prestasi cemerlang didalam inovasi dan kreativiti sepanjang melibatkan diri dalam program 5S ini.



Penerima Anugerah Ahli Zon Terbaik

Mereka adalah Puan Faridah bte Mohamad dari Bahagian Akaun, Puan Razilah bte Abdul Rasid dari Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am serta Encik Nazrie bin Saini dari Unit Komunikasi Korporat. Pihak Kementerian pula telah mengiktiraf dua juruaudit iaitu Mej Setia Perwira bin Mohd Wazir dan Haji Zafry bin Abdul Manaf sebagai Juruaudit Terbaik pada siri kali ini. Manakala Puan Murliza Hanafiah bte Mohd Hanafiah dari Bahagian Akaun memenangi Q-Manager Terbaik dan usaha tersebut berbaloi kerana beliau membawa kepada kecermelangan Bahagian Akaun seterusnya memenangi bahagian terbaik pada pengauditan kali ini.

Kreativiti dan inovasi yang ditunjukkan sepanjang pengauditan kali ini membawa tuah kepada Bahagian Akaun dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia apabila diiktiraf Sudut 5S Terbaik dan sekaligus mencipta rekod tersendiri dengan markah sempurna sebanyak 100%. Anugerah yang terakhir adalah Zon Terbaik dengan pencapaian markah 100% dari Zon Bayaran (Bahagian Akaun), kedua Zon GFMAS (Bahagian Akaun) dan ketiga Zon Dato' Maharajalela (BADSA). Diharap dengan adanya anugerah sebegini bukan sahaja mengiktiraf individu dan Bahagian yang cemerlang tapi juga membantu dalam menaikkan semangat kekitaan yang dilihat berjaya dijadikan contoh kepada organisasi kerajaan mahupun swasta yang lain.



En. Johari Mohd menerima Sijil Pencapaian 95% didalam pengauditan yang lepas



Penerima Anugerah Q-Manager Terbaik




Penerima-penerima anugerah Sukan ATM 2012 diraikan pada malam tersebut

MALAM ANUGERAH SUKAN ATM 2012

Artikel & Foto: Mej Zahrullail bin Hidayat (J7-Markas ATM)

Malam Anugerah Sukan ATM 2012 merupakan salah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan ATM kepada para atlet, jurulatih dan pentadbir sukan yang telah berjaya mengharumkan nama ATM sepanjang tahun 2012. Pada 22 Mei 13 yang lepas, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin telah menyempurnakan Malam Anugerah Sukan ATM Tahun 2012 bertempat di Hotel Double Tree By Hilton yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Angkatan Tentera. Dalam ucapan Panglima Angkatan Tentera mengingatkan juga bahawa sukan berupaya menaikkan imej sesebuah negara amnya dan ATM khususnya menerusi pencapaian cemerlang atlet-atlet. Tambahnya lagi pada tahun ini, Malaysia akan menghadapi Sukan SEA Ke-27 yang akan diadakan di Myanmar mulai 11 hingga 22 Dis 2013 dan

mengharapkan agar atlet-atlet yang terlibat, dapat memberikan komitmen yang tinggi di dalam menghadapi kejohanan tersebut serta pulang dengan kejayaan cemerlang. Beliau turut menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Di-Pertua Majlis Sukan Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM, Panglima Tentera Udara yang telah memberikan komitmen yang padu di dalam mempertingkatkan kemajuan sukan ATM selama 2 tahun menjawat jawatan tersebut. Pada acara kemuncak malam tersebut adalah upacara penyampaian Anugerah Sukan ATM Tahun 2013 kepada Tokoh Jurulatih Sukan disandang oleh PW U 11 Kalidas a/l Visvanadan dari Persatuan Kriket manakala Anugerah Tokoh Sukan ATM 2012 disandang oleh Mej Jen Datuk Mazelan bin Kasap dari Persatuan Bolasepak.



Penerima Johan Antara Perkhidmatan Cemerlang Sukan tahun 2012 pula dimenangi oleh Perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia dan Anugerah utama Olahragawan dan Olahragawati ATM 2012 menerima wang tunai RM3,000,00, Sport Blazer dan Piala Pusingan. Olahragawan ATM 2012 disandang oleh BM PAP (PKL) Khalel bin Abdullah dari Persatuan Menembak manakala Olahragawati Sukan 2012 disandang oleh Lt Nur Suryani bte Mohd Taibi dari Persatuan Menembak. Turut hadir dalam majlis tersebut termasuklah Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Seri Zolkples bin Embong, ketiga-tiga Panglima Pehkhidmatan, Timbalan Panglima Perkhidmatan merangkap Pengerusi-Pengerusi Lembaga Sukan Perkhidmatan serta para atlet-atlet cemerlang ATM.





PEKERJA PEMANGKIN TRANSFORMASI NEGARA

Pada 22 dan 23 Mei 2013 yang lalu, Sambutan Hari Pekerja peringkat MinDef telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan. Sambutan Hari Pekerja ini diadakan pada setiap tahun bersekali dengan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Tema bagi Sambutan Hari Pekerja 2013 ini ialah "Pekerja Pemangkin Transformasi Negara". Justeru itu, Sambutan Hari Pekerja ini turut disempurnakan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YBhg. Dato' Sri Dr.Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia. Objektif sambutan hari pekerja ini adalah untuk menghargai para pekerja yang sedang berkhidmat di MinDef. Selain itu juga, ia bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim di kalangan anggota pengurusan tertinggi dan warga MinDef.

Artikel: Yasmin Ayuni bte Zulkifli
(Pelatih UiTM)
Foto: Pbt Taufiek bin Hussin



Sekitar gelagat penonton sepanjang program berlangsung

TIMBALAN MENTERI KE JHEV

Timbalan Menteri Pertahanan bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

Artikel: Erwinasary bte Mohd Nazry (Pelatih Kolej POLY-Tech MARA)
Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 30 Mei 2013, YB. Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) di Menara TH Perdana, Kuala Lumpur. Lawatan tersebut adalah lawatan pertama setelah dilantik menjadi Timbalan Menteri Pertahanan dan pada masa yang sama untuk menyerahkan sumbangan bantuan pendidikan.

Beliau telah menyerahkan sumbangan berupa bantuan pendidikan sebanyak RM 1500.00 kepada anak seorang veteran iaitu Nur Fasilah bte Masri kerana telah berjaya melanjutkan pelajarannya di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Selain itu, sumbangan RM700.00 telah diberikan kepada Muhammad Zabbar Hakimi Zaidi dan Syazura Qistyeena Abu Hassan sebagai bantuan persekolahan mereka.

Lawatan bagi memperkenalkan Timbalan Menteri kepada pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) juga dihadiri oleh Ketua Pengarah JHEV, iaitu Mejar Jeneral Datuk Zulkiflee Mazlan. Selain itu, satu talimat khas mengenai peranan Jabatan ini dan aktiviti-aktiviti utamanya kepada semua yang hadir pada lawatan tersebut.




Penerima sumbangan pendidikan



Penerima bantuan kerusi roda dari YB Timbalan Menteri Pertahanan

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi



Terima Kasih dan

Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad



Selamat Maju Jaya

Artikel : Yasmin Ayuni bte Zulkifli
(Pelatih UiTM)
Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah diberi penghormatan untuk melaksanakan Istiadat Mengarak Panji-panji Yang di-Pertuan Agong sempena Sambutan Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke XIX Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 8 Jun 2013 yang lalu.

Antara panji-panji Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di arak sempena istiadat itu adalah Panji - Panji Rejimen Askar Melayu DiRaja, Panji - Panji Rejimen Renjer DiRaja, Panji-Panji Kor Armor DiRaja, Panji - Panji Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Panji - Panji Tentera Udara DiRaja Malaysia. Untuk persembahan perbarisan ia terdiri daripada 22 pegawai dan 540 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Leftenen Kolonel Mohd Rosli bin Abu Bakar, Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu DiRaja (1 RAMD).



MAJLIS MENGARAK **PANJI-PANJI DYMM DIPERTUAN AGONG**



Majlis mengarak panji-panji DYMM Di-Pertuan Agong adalah acara tahunan Angkatan Tentera Malaysia

Istiadat Mengarak Panji-panji Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dilaksanakan dengan penuh tradisi ketenteraan dan turut dihadiri YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri dan YBhg Datin Sri Rosmah bte Mansor, YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan dan YM Datin Sri Tengku Marsilla bte Tengku Abdullah, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera dan YBhg Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom bte Wan Awang serta Duta-duta luar Negara, Menteri-Menteri Kabinet, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai kanan ATM, PDRM dan kakitangan awam serta rakyat sekalian.





Artikel: Nazrie bin Saini

Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

DSA 2014 KEMBALI LAGI



DSA 2014 menjanjikan kemeriahan dan pembaharuan



Menteri Pertahanan, Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah merasmikan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Malaysia atau lebih dikenali dengan DSA 2014 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM. Majlis tersebut yang juga dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri akan diadakan secara rasmi pada 14 hingga 17 April 2014 kelak bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Selain pameran pertahanan yang melibatkan 50 negara ia akan menampilkan beberapa pembaharuan iaitu pameran serta aktiviti yang melibatkan keselamatan siber, bantuan kemanusiaan dan bencana serta jenayah merentasi sempadan. Selain itu juga, pameran antara terbesar di Asia ini akan juga dihadiri oleh 324 jemputan khas yang melibatkan 17 Menteri-Menteri Pertahanan serta 324 yang lain yang rata-rata datang dari latar belakang ketenteraan dan keselamatan negara dari 41 negara yang terlibat pada penganjuran tahun 2012. Tahun 2014 akan menjanjikan lebih kemeriahan dan keistimewaan dari pelbagai negara yang akan mengikuti pameran tersebut termasuk dari syarikat-syarikat tempatan. Majlis pada hari tersebut juga telah dihadiri oleh Ketua Setiausaha, YBhg Dato' Sri Dr. Hj. Ismail Hj. Ahmad, Panglima Angkatan Tentera, Y.Bhg Jen Tan Sri Dato Sri Zulkifeli bin Mohd Zin dan pegawai kanan awam dan ATM yang lain.





Terima Kasih, Sekalung Budi

Artikel : Nazrie bin Saini Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Mantan Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama timbalannya Datuk Dr Abdul Latif Ahmad telah diraikan di satu Majlis Makan Malam pada 26 Jun 2013 yang lepas. Majlis tersebut diadakan bagi menghargai sumbangan dan jasa serta satu tanda kenangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia. Beliau yang kini memegang portfolio baru sebagai Menteri Dalam Negeri telah memulakan tugas pada Mei 2009. Jasa dan sumbangan yang diberikan selama menjawat jawatan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan akan sentiasa dihargai dan pencapaian sedia ada akan diteruskan bersama Menteri Pertahanan yang baru iaitu Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Timbalannya YB. Datuk Abdul Rahim Bakri. Selamat Maju Jaya...



Terima kasih kami ucapkan dan Selamat Maju Jaya

ESSCOM

PIKUL TANGGUNGJAWAB BESAR

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Ekoran dari pencerobohan di Lahad Datu yang menjadi titik hitam dalam institusi kedaulatan negara telah mewujudkan Ops Daulat yang telah dilaksanakan bersama melalui Strategi Lautan Biru antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Operasi Daulat yang diwujudkan khusus untuk memerangi pencerobohan kumpulan pengganas Kiram di Kampung Tanduo merupakan kerjasama tertinggi yang pernah diadakan bagi menjaga kedaulatan negara. Sehubungan itu, Ops Daulat yang dulu diuruskan secara bersama oleh Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia kini diletakkan dibawah satu organisasi khas yang ditubuhkan iaitu Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM) yang diketuai oleh Ketua Pengarah ESSCOM iaitu Datuk Mohammad Mantek. Majlis penyerahan tersebut yang diadakan pada 29 Jun telah disaksikan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman yang juga Pengerusi ESSCOM kepada Ketua Pengarah ESSCOM Datuk Mohammad Mantek oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jen Tan Sri Zulkifeli bin Mohd Zain dan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Dengan penyerahan tersebut maka segala pengoperasian dan pengawalan operasi Ops Sanggah yang baru dilaksanakan sepenuhnya oleh ESSCOM. Kerjasama erat antara ATM dan PDRM diharap akan berterusan dalam memastikan kedaulatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara dan menjadi model di masa akan datang dalam menangani ancaman dan masalah melibatkan keselamatan negara. Majlis pada pagi tersebut juga dihadiri oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan menteri bertanggungjawab kepada portfolio masing-masing.



ESSCOM - Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah bersedia pikul tanggungjawab besar



Antara VVIP yang hadir pada majlis tersebut



MAJLIS SYARAHAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA 2013

Artikel: Mej Zahrullail bin Hidayat
(J7-Markas ATM)
Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr Nazrin Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah berkenan mencemar Duli untuk bertitah kepada pegawai kanan Awam, ATM dan PDRM di Majlis Syarahan ATM dengan tajuk "Pasca Pilihanraya Umum Ke-13 Permuafakatan dan Perpaduan Nasional". Majlis yang diadakan pada 8 Julai bertempat di Wisma Perwira ATM dihadiri seramai 1,200 pegawai awam, ATM termasuk PDRM. Turut hadir YB Dato' Sri Ahmad Zahid Hamidi Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein Menteri Pertahanan Malaysia, YBhg Tan Sri Dr Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd

Zin Panglima Angkatan Tentera, YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar Ketua Polis Negara dan YBhg Dato' Sri Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Titah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan yang telah mengambil masa lebih dari sejam telah memberi pendedahan serta manfaat kepada para hadirin yang memenuhi Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM.





MENHAN DIANUGERAHKAN BERET MERUN DAN SAYAP PENERJUNAN KEHORMAT

Artikel: Erwinasary bte Mohd Nasry (Pelatih Koleh Poly-Tech MARA)

Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Aziz

Pada 9 Julai baru-baru ini Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah dianugerahkan Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat 10 Briged semasa lawatan kerja beliau di Kem Terendak, Sungai Udang, Melaka. Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin yang juga turut disaksikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Idris Harun. Penganugerahan ini adalah satu penghormatan yang diberikan kepada individu tertentu oleh Panglima Angkatan Tentera berdasarkan komitmen sepenuhnya dan jasa terhadap perkembangan serta kemajuan pasukan 10 Briged Para.

Lawatan kerja pertama Dato' Hishammuddin sejak dilantik sebagai Menteri Pertahanan pada 16 Mei lalu adalah untuk perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).



Dalam lawatan tersebut, satu demonstrasi dinamik 10 Briged Para melibatkan 2500 anggota disaksikan sendiri oleh beliau. Antaranya terjun bebas daripada lapan penerjun menggunakan payung combat military tactical glider dari ketinggian 8000 kaki, demonstrasi tempur tanpa senjata (TTS), kawad tempur platoon, renang tempur dan latihan flying fox.

Selain itu, beliau turut dipertontonkan dengan demonstrasi serangan seksyen tinjau para yang menggunakan senjata M4, Minimi 5.56mm dan pistol glock 9mm serta sniper rifle international artice warfare 7.62mm. Antara yang mencuit perhatian beliau adalah aksi ketumbukan Batalion Infantri bersama-sama keupayaan persenjataan dan kenderaan sebuah unit infantri.



Kemeriahan majlis pada pagi tersebut



PLKN

SIRI 11/2014 TELAH DIPILIH

Pada 16 Julai 2013 yang lalu, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri telah merasmikan Majlis Pelancaran Pemilihan Pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Siri 11 Tahun 2014 di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan. Acara yang juga dihadiri oleh Ketua Setiausaha, YBhg Dato' Sri Dr. Hj. Ismail Hj. Ahmad ini merupakan program tahunan yang diperkenalkan bagi melahirkan generasi yang mempunyai daya kepimpinan kreatif dan inovatif, berdisiplin tinggi dan berkeyakinan. Pemilihan yang telah dibuat secara rawak telah diwarnakan secara online menerusi laman web Jabatan Latihan Khidmat Negara. Majlis pagi tersebut juga telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), YBhg Dato' Mohamad Khalid Shariff dan Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.



Artikel : Nazrie bin Saini
Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Senarai pelatih telah dipilih



YB Datuk Abdul Rahim Bakri melancarkan program pada pagi tersebut sambil diperhatikan oleh YBhg KSU dan Ketua Pengarah JLKN




PERASMIAN MASJID KHALID BIN AL WALID DAN MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA SERI PADUKA BAGINDA YANG di-PERTUAN AGONG

Artikel: Mej Zahrullail bin Hidayat (J7-Markas ATM)
Foto: Sjn Shahrul Hezar bin Azizan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Iboni Al-Marhum Sultan Badlishah telah berkenan mencemar duli merasmikan Masjid Khalid bin Al-Walid, KEMENTAH, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, pada 18 Julai 2013 yang lalu. Satu Majlis telah diadakan di perkarangan masjid yang telah dihadiri lebih 1,500 warga tentera dan awam Kementerian Pertahanan. Keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku telah disambut oleh YB Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Husein, Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Penaung Masjid Khalid Al-Walid, YB Mej Jen Dato' Sri Jamil Khir bin Hj Baharom (Bersara) Menteri DiJabatan Perdana Menteri, YM Jen Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor Pemangku Panglima Angkatan Tentera, YBhg Dato' Sri Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Sejurus perasmian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mencemar duli untuk berbuka puasa bersama warga ATM. Majlis turut dihadiri Mufti Wilayah Pesekutuan YBhg Sahibul Samahah Datuk Hj Wan Zahidi bin Wan Hj Wan Teh, Imam Besar Masjid Negara, Mantan-Mantan Panglima Angkatan Tentera, Pegawai-pegawai kanan Awam dan tentera.



Perasmian Masjid Khalid bin Al-Walid menjadi kebanggaan warga kementerian dan ATM



LAWATAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE OPERASI SANGGAH

Artikel & Foto: Mej Zahrullail bin Hidayat (J7- Markas ATM)



Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin berserta rombongan telah mengadakan lawatan rasmi ke kawasan Operasi Sanggah, Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah mulai 27 Jul 2013 hingga 28 Jul 2013. Lawatan ini merupakan lawatan ulung Panglima Angkatan Tentera ke Ops Sanggah setelah penyerahan Ops Daulat kepada ESSCOM pada 29 Jun 2013 yang lalu. Panglima Angkatan Tentera telah berpeluang bersemuka sendiri serta meninjau dengan lebih dekat persekitaran pos-pos yang diduduki anggota tentera yang sedang bertugas di barisan hadapan Ops Sanggah sambil memberi semangat serta peransang serta menyelami permasalahan yang ada kepada semua pegawai dan anggota supaya dapat bertugas dengan penuh tanggungjawab serta dedikasi dan mengucapkan terima kasih di atas pengorbanan yang tinggi meninggalkan sanak saudara serta isteri tercinta lebih-lebih lagi dalam umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak berapa lama lagi. Panglima Angkatan Tentera telah mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada pegawai serta anggota yang berada di semua lokasi pos-pos hadapan Ops Sanggah serta turut menyampaikan sumbangan Bungkusan Hari Raya dari ATM termasuk BAKAT juga turut menyumbang dari BAKTI.

Dalam aturcara lawatan mulai tengahari hingga petang beliau telah melawat kesemua 5 penempatan pos-pos utama Ops Sanggah yang diduduki oleh pasukan dari Batalion Ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja (23 RAMD) antaranya Pos Kg Tanduo, Pos Mortar Sg. Nyamuk, Pos Sg. Merah, Pos Sinakut dan Pos Sabahat telah dilawati oleh Panglima Angkatan Tentera serta rombongan.

Bersempena lawatan rasmi Panglima Angkatan Tentera ke Op Sanggah, pada sebelah petangnya pula pihak Briged ESSCOM di Bandar Cenderawasih, Felda Sahabat turut mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Kolej Intergasi Ilmu (KINI) bersama petugas-petugas pasukan keselamatan yang telah

turut dihadiri Pegawai-pegawai kanan keselamatan termasuklah Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia serta Pegawai Kanan Kerajaan, Ketua-ketua penduduk serta Ketua-ketua kampung setempat telah turut menghadiri majlis tersebut. Panglima Angkatan Tentera serta rombongan telah berkesempatan menunaikan solat Maghrib serta solat Isyak dan solat Terawih berjemaah bersama pegawai serta anggota yang bertugas di Bandar Cenderawasih, Felda Sahabat. Pada penghujung majlis turut diadakan penyampaian sumbangan bungkusan Hari Raya serta penyampaian sumbangan dari Tabung Kebajikan Angkatan Tentera kepada 11 anggota saudara baru.

Janeral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin mendengar taklimat khas



Aturcara lawatan diteruskan lagi pada sebelah malamnya ke tujuh lagi Pos-Pos yang diduduki oleh pasukan Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) dimulai Tapak Mortar Felda Sahabat 22, Pos lok Buani, Pos Lok Sembuang, Pos Sg. Bilis, Pos Labian Lama, Pos Tg. Labian dan seterusnya bersahur bersama-sama pegawai serta anggota di Pos Tg. Batu. Beliau turut menyampaikan sumbangan bungkusan Hari Raya serta menyampaikan amanat serta nasihat kepada pegawai serta anggota yang bertugas di Pos Tg. Batu.

Lawatan turut dihadiri Lt Jen Datuk Abd Aziz bin Hj Ibrahim, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota, Mej Jen Dato' Abdul Halim bin Hj Jalal Pengarah Pertahanan ESSCOM, Laksamana Pertama Dato' Sulaiman bin Hj. Abdullah Panglima Angkatan Tentera Bersama 2, Brig Jen Subari bin Hj Tomo Ketua PSO Pertahanan serta pegawai-pegawai kanan MK ATM.

Keseluruhan lawatan secara langsung telah memberi impak yang tinggi khususnya kepada pegawai dan anggota yang sedang menjalankan tugas Ops Sanggah yang memberikan suntikan semangat untuk bertugas khususnya umat Islam sedang menjalani ibadah Puasa serta akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Dengan kunjungan serta keperihatinan pucuk pimpinan tertinggi Angkatan Tentera serta rombongan jelas menunjukkan bahawa pengorbanan serta khidmat bakti para pegawai serta anggota yang bertugas dalam masa yang sama jauh dari sanak saudara serta isteri tercinta demi mempertahankan kedaulatan tanah air khususnya di Timur Sabah tidak dipinggirkan begitu sahaja.



Panglima Angkatan Tentera sempat melawat dan beramah mesra dengan pegawai dan anggota tentera yang bertugas

JHEV BANTU BEKAS ANGGOTA GERILA HARIMAU MALAYA.

Lawatan Mej Jen Dato' Mohd Noor Daud, Ketua Pengarah JHEV ATM kerumahveteran ATM Wan Nik bin Wan Ngah.

Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Mejar Jeneral Dato' Mohd Nor bin Daud telah mengadakan lawatan kerja ke negeri Perak pada 9 September 2013 yang lalu. Dalam lawatan tersebut, Ketua Pengarah JHEV ATM telah berkesempatan menziarahi Wan Nik bin Wan Ngah, bekas anggota Force 136 yang lebih dikenali gerila 'Harimau Malaya' dirumah veteran tersebut di No. 139, Jalan Nilam 4, Taman Puncak Nilam, Gerik, Perak.



Menyampaikan bantuan peralatan pesakit berupa kerusi roda, tilam angin dan tongkat kepada veteran Wan Nik bin Wan Ngah.

Wan Nik bin Wan Ngah amat terkenal dalam kalangan penduduk Pengkalan Hulu pada zaman penjajahan Jepun ketika Perang Dunia Kedua. Disamping bertanyakan khabar tentang veteran ini, beliau juga telah menyampaikan cek Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) bernilai RM1,000 dan bantuan peralatan pesakit berupa kerusi roda, tilam angin dan tongkat kepada veteran tersebut. Disamping itu jasa Wan Nik ternyata dihargai apabila kadar bayaran bulanan sarahidup RM200 diterimanya daripada JHEV dinaikkan kepada RM300 sebulan.

Sementara itu, Wan Nik yang kini sudah tidak mampu melihat kerana rabun berkata, kunjungan pihak JHEV menziarahinya menandakan kerajaan dan pihak berkenaan tidak pernah melupakan jasa dan bakti pejuang Negara sepertinya. Kunjungan ini telah di sambut oleh anak serta keluarga veteran tersebut iaitu Encik Baki bin Wan Nik. Turut mengiringi dalam lawatan ini ialah Lt. Kol Zainal Abidin bin Zainuddin, Pengarah JHEV ATM Negeri Perak.

Mej Jen Dato' Mohd Noor Daud menyampaikan cek SVTB1M kepada keluarga veteran Wan Nik bin Wan Ngah di Gerik Perak.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROGRAM MEMBAIKPULIH RUMAH VETERAN 1MALAYSIA – NBOS 7

Artikel & Foto : YM Tangku Badli bin Tengku Zalli (JHEV)

Menteri Pertahanan, Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah mengadakan lawatan kerja ke Papar, Sabah pada 29 September 2013 yang lalu sempena Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia (1Malaysia Veterans Home Repair Programme) yang diadakan di Dewan Masyarakat Baru Papar, Sabah.

Program 1MVHR adalah salah satu daripada tujuh inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS-7) yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri di Kuala Kangsar, Perak pada Disember 2012 lalu. Program ini menasaskan sebanyak 200 buah rumah bagi pembinaan baru dan baikpulih rumah di laksanakan di seluruh Negara Pelaksanaan pembinaan rumah baru dan baikpulih melalui program ini mendapat kerjasama Rejimen Askar Jurutera Tentera Darat DiRaja (RAJD), Angkatan Tentera Malaysia dengan kos pembinaan seunit rumah baru berjumlah RM50,000.00 Dalam majlis tersebut, YB. Menteri Pertahanan telah menyerahkan Kunci Rumah kepada dua orang Veteran ATM iaitu:

- i. **T1028913 Kpl Chumati bin Sastro (Berpencen),**
Kg. Mandahan, Papar.
- ii. **T1060542 Jap bin Tar (Tidak Berpencen)**
Kg. Ulu Mandahan, Bongawan, Papar, Sabah.



Y.B Menteri Pertahanan Menyerahkan Pingat Jasa Malaysia kepada Veteran Tentera di Dewan Masyarakat Baru Papar.

Pada majlis tersebut juga Y.B. Menteri Pertahanan turut menyampaikan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 20 orang Veteran ATM. Penganugerahan tersebut adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan Veteran ATM yang pernah berkhidmat sama ada semasa zaman darurat dan penentangan Parti Komunis Malaya (PKM) dari tahun 1969 hingga 1989 dan penentangan Parti Komunis Kalimantan Utara dari tahun 1969 hingga 1990.



Penyerahan Kunci Rumah Veteran 1Malaysia Kepada Encik Chumati Bin Sastro dari Kg. Mandahan Papar oleh Y.B Menteri Pertahanan.



Rumah Chumati bin Sastro Kg. Mandahan Papar Sabah



Penyerahan Replika Kunci Rumah Veteran 1Malaysia Kepada Encik Jap bin Tar, Veteran Tentera dari Kg. Ulu Mandahan Papar.



Rumah Encik Jap Bin Tar Kg. Ulu Mandahan, Bongawan Papar, Sabah



Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Menyampaikan Ucapan Majlis Pelancaran 1MVHR di Dewan Masyarakat Baru Papar.

Dalam majlis ini Y.B Menteri Pertahanan telah menerima Cek Sumbangan Tabung Pahlawan 2013 yang disumbangkan oleh para penyumbang seperti berikut:

- i. Syarikat Duta Armada Sdn Bhd berjumlah RM500.00
- ii. Nursila Enterprise berjumlah RM500.00
- iii. Tuan Pangiran Jaafar bin Pangiran Othman berjumlah RM1,000.00

Selain daripada itu, Y.B Menteri Pertahanan turut menyampaikan cek bantuan kebajikan IPTA JHEV ATM kepada Encik Mohamad Nasrul bin Jap anak kepada T1060542 Encik Jap bin Tar, Veteran tentera sebanyak RM1,000.00.

Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Zulkafli bin Abdul Karim, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee Mazlan, Inspektorat Jeneral Tentera Darat mewakili Panglima Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Ir Abdul Nasser bin Ahmad, Ketua Jurutera Tentera Darat, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Redzuan Haji Baharuddin, Timbalan Panglima Div Pertama Infrantri mewakili Panglima Divisyen Pertama Infrantri Malaysia, Puan Faridah Borhan, Pemangku Ketua Pengarah, JHEV ATM, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan pemimpin-pemimpin masyarakat.



MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE PANGKALAN TLDM

Artikel: Erwinasary bte Mohd Nasry (Pelatih Kolej POLI-Tech MARA)
Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Dilantik meneraju Kementerian Pertahanan adalah satu tugas yang baru dan mencabar kepada Y.B Dato' Seri Hishammuddin. Atas sebab tersebut satu lawatan khas beliau ke Pangkalan TLDM Lumut diadakan pada 7 Jun 2013. Sebelum lawatan beliau sempat melapangkan masa bersama warga TLDM menunaikan solat bersama di Masjid An-Nur. Beliau dibawa melawat lokasi sekitar pangkalan seperti tapak projek Pusat Kecemerlangan Sukan Air yang bakal dijadikan pusat latihan bagi melahirkan atlet-atlet sukan air negara. Selain itu, beliau dibawa melawat Simulasi Anjungan (WASPADA) yang berfungsi sebagai salah satu

organisasi latihan mengemudi kapal untuk para pegawai dan anggota TLDM yang melaksanakan latihan praktikal sebelum menghadapi keadaan sebenar di kapal. Dato' Seri Hishammuddin turut berpeluang melawat KD DUYONG sebelum ke KD JEBAT yang ditambat di Jeti Operasi pangkalan untuk majlis ramah mesra bersama warga TLDM. Pengisian program sepanjang lawatan singkat itu sedikit sebanyak telah memberi gambaran sebenar kepada beliau mengenai peranan dan tanggungjawab TLDM selain konsep 'turun padang' serta meluangkan masa bersama warga TLDM. Lawatan tersebut



YB Menteri Pertahanan beramah mesra dengan pegawai dan anggota TLDM



mencerminkan keprihatinan dan komitmen beliau yang secara tidak langsung dalam menjadi pemangkin dan penyuntik semangat kepada the Navy People secara keseluruhannya.



LAWATAN KERJA MENHAN KE PU SUBANG DAN SUNGAI BESI

Artikel: Erwinasary bte Mohd Nasry (Pelatih Kolej Poli-Tech MARA)
Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad



Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menerima tabik hormat dari anggota TUDM dalam lawatan beliau ke pangkalan udara di Subang. Lawatan tersebut dilaksanakan sebagai salah satu agenda dalam melengkapkan lawatan khas beliau. Beliau dalam sidang akhbar berjanji menggunakan amanah yang diberikan untuk memastikan hubungan berterusan dan memastikan tiada pembaziran pertindihan koordinasi antara Kementerian dan TUDM.

Pada hari yang sama beliau dibawa terus ke Pangkalan TUDM Subang dengan menaiki helikopter dan menghabiskan masa selama satu jam sebelum meneruskan lawatan ke Pangkalan TUDM Sungai Besi. Beliau turut menerima tabik hormat dari anggota sebelum melakukan lawatan ke sekitar pangkalan dengan diiringi Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Rodzali Bin Daud. Semangat juang yang tinggi dan mantap menjadikan keunikan kepada anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam memastikan keselamatan negara selamat. Perbedaan yang diukur melalui kelengkapan canggih semata-mata diiringi dengan faktor kemanusiaan dijadikan semangat kepada anggota TUDM untuk terus menabur jasa kepada Malaysia.



Antara pengisian aktiviti sepanjang lawatan YB Menteri Pertahanan





UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur
Tel : +603-2071 3890 / 4008
Fax : +603-2691 1757

Foto: *Sin Riau* ak Ansang
Majlis *Sendang Off* Menteri Pertahanan pada 21 Mei 2013